

# **IMPAK MATAPELAJARAN KHIDMAT MASYARAKAT DALAM KALANGAN PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SWASTA: PROJEK PEMBERSIHAN SUNGAI**

M. Adli Mohd Sidi<sup>1</sup>, Muhammad Syakir Sulaiman<sup>2</sup>, Julia Madzalan<sup>2</sup>, Nur Uswah Mohd Fauzi<sup>2</sup>,  
Kalam Azad Isa<sup>1</sup>, Wan Mohd Norsyam<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Universiti Teknologi Mara UiTM Pahang,  
Pahang.

<sup>2</sup>Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Selangor.

## **Pengenalan**

Semangat kesukarelawanan merupakan elemen penting terhadap perpaduan nasional sesebuah negara (Hussain, 2017). Keprihatinan terhadap kerja-kerja sukarelawan merupakan perkara penting di dalam membina masyarakat yang lebih harmoni di dalam sesebuah komuniti. Dengan keprihatinan ini, ia mampu membina masyarakat yang sensitif dan peka terhadap isu berkaitan keperluan kemanusiaan dan mampu memberikan kehidupan yang lebih baik kepada mereka yang kurang bernasib baik dan memerlukan pertolongan. Persekitaran yang lebih harmoni dapat dibina dan persekitaran yang sihat juga terhasil daripada kepekaan kesemua golongan terhadap penglibatan diri di dalam kerja kemasyarakatan termasuklah kerja-kerja kesukarelawanan ini. Kerja-kerja sukarelawan merupakan sebahagian daripada pengalaman hidup yang dikategorikan sebagai konsep psikologi positif (Hutapea & Dewi, 2012).

Skop kesukarelawanan ini merangkumi formal dan tidak formal (Gavelin & Svedberg, 2011). Aktiviti sukarelawan ini luas dan bukan sekadar tertumpu terhadap penglibatan bantuan kepada komuniti semata-mata, bahkan ianya merangkumi pelbagai aspek termasuklah keprihatinan terhadap keindahan alam sekitar supaya kelestarian alam sekitar ini terpelihara, sumber alam semulajadi yang bersih dan berkualiti dan juga demi kemampanan sumber alam ini untuk generasi yang akan datang. Bukan sekadar mengelak dari gejala wabak penyakit yang mungkin hadir disebabkan persekitaran yang tidak bersih, kehidupan masyarakat yang lebih berkualiti terhasil sekiranya setiap golongan lapisan masyarakat peka di dalam memastikan kebersihan dan keindahan ekosistem sungai ini terpelihara. Sungai bersih merupakan agenda nasional dan sukarelawan memainkan peranan penting di dalam mendokong hasrat ini. Peranan individu sangat penting di dalam mewujudkan sikap prihatin terhadap alam sekitar negara (Hua, 2014).

Keperluan khidmat sukarelawanan ini adalah tinggi di dalam membentuk semangat sukarelawanan yang tinggi di kalangan pelajar (Bakri, Mahmood & Zakaria, 2019). Dengan ini, impak program khidmat masyarakat ini perlu dikaji di dalam memastikan keberkesanan matapelajaran khidmat masyarakat ini di peringkat pendidikan tertier yang menjadi antara matapelajaran wajib bagi pelajar institut pengajian tinggi sama ada institusi pengajian tinggi awam dan juga swasta. Fokus kajian ini menumpukan kepada pelajar institusi pengajian tinggi swasta yang amat kurang dikaji keberkesanan program seperti ini untuk melihat tahap keberkesanan program khidmat masyarakat terhadap mereka. Tambahan, kumpulan kajian ini tertumpu kepada pelajar dewasa yang bekerja dan sedang menyambung pengajian tinggi di institusi pengajian tinggi

yang berfokuskan kepada projek kesukarelawanan yang melibatkan isu persekitaran sungai negara di ibu kota Kuala Lumpur.

## Ekosistem Sungai di Malaysia

Malaysia merupakan kaya sumber alam dan status sumber ekologi di Malaysia adalah tidak seburuk berbanding negara – negara membangun di dunia (Al-mamun & Zainuddin, 2013) Malaysia adalah negara yang sangat unik dan bertuah. Malaysia adalah sebuah negara Asia Tenggara yang terletak berhampiran garisan khatulistiwa yang mempunyai iklim hujan dan panas yang hampir seragam serta mempunyai kelembapan yang tinggi. Oleh itu, hujan yang lebat sepanjang tahun yang mana ia membekalkan sumber air kepada sungai-sungai di Malaysia. Ini termasuklah sistem sungai negara yang memerlukan keprihatinan sikap manusia yang menghargai elemen alam ini dan mampu melindungi dan memulihara sistem sungai negara demi manfaat masyarakat bersama. Sungai berperanan sebagai sumber air, makanan, aktiviti pengangkutan, benteng pertahanan dan sumber tenaga penting demi kehidupan manusia. Tanggungjawab membentuk masyarakat yang prihatin terhadap alam sekitar dan sungai merupakan tanggungjawab bersama yang perlu digalas (Puspita, Ibrahim, Hartono, 2016).

Isu sungai tercemar merupakan agenda dan isu negara di dalam memastikan sumber alam ini kekal terpelihara (Ujang, 2009). Usaha-usaha pembersihan sungai dan persekitarannya ini merupakan perkara penting di dalam menyumbang kepada sungai bersih kepada masyarakat dan juga negara. Apabila tiada kesedaran di kalangan orang awam di dalam menjaga khazanah alam ini, secara tidak langsung sungai-sungai di Malaysia ini akan merosot kualiti kebersihannya. Dengan merosotnya kualiti air, khazanah di dalam air juga semakin musnah apabila spesies ikan berharga tidak mampu membiak dan akhirnya mati akibat pencemaran sungai. Tiada lagi aktiviti rekreasi air mampu dilakukan seperti mandi sungai kerana kualiti air sungai yang sudah tercemar dan kotor dengan sampah dan pelbagai bendasing yang tidak sepatutnya berada di dalam sungai. Menjaga kualiti sungai bersih merupakan tanggungjawab bersama kerana sungai bersih mampu dijadikan sebagai tarikan destinasi pelancongan juga (Maulina & Rosli, 2021).

Peranan sukarelawan dan juga badan-badan bukan kerajaan adalah sangat penting untuk membantu di dalam merealisasikan misi negara ini. Keprihatinan terhadap kerja pembersihan sungai dan persekitarannya perlu dipandang serius supaya generasi akan datang dapat menikmati keindahan khazanah alam semulajadi dan sungai berkualiti di Malaysia demi kelestarian alam sekitar yang lebih mampan untuk generasi akan datang. Bukan sekadar berekreasi, sungai juga merupakan sumber bekalan air bersih sekiranya keadaan terdesak demi meneruskan kelangsungan hidup. Dengan itu, aktiviti khidmat masyarakat yang bertunjangan konsep penjagaan sungai ini adalah penting supaya sungai terhindar daripada bendasing kotor yang merosakkan kualiti sungai di Malaysia.

## Kesukarelawanan

Sukarelawan ini meluangkan masa, tenaga dan wang ringgit di dalam memberikan nilai terhadap manfaat kehidupan orang lain (Oktarizki & Uyun, 2020). Kesukarelawan secara umumnya merujuk kepada sebarang kegiatan *altruistic* yang melibatkan penyediaan perkhidmatan tanpa mengharap kepada sebarang keberuntungan termasuklah mengambil kesempatan untuk manfaat individu. Ianya lebih bertujuan untuk memberi manfaat kepada individu, kumpulan atau organisasi yang lain mahupun negara tanpa mengharapkan ganjaran disebalik kerja-kerja kesukarelawanan ini. Penglibatan sukarelawan di dalam kerja kesukarelawanan ini memberikan pelbagai impak positif secara tidak langsung kepada sukarelawan berkenaan (Fazilah & Shaffie,

2020). Kerja sukarelawan ini melibatkan penyertaan sukarelawan dalam sesuatu aktiviti bersama masyarakat dan memberikan semula manfaat itu kepada masyarakat, komuniti, persekitaran dan sebarang aktiviti yang mendatangkan kesan positif kepada Negara. Kerja sukarelawan ini mendapat perhatian sebagai fenomena global di dalam membentuk sebuah masyarakat yang demokrasi di dalam proses pembangunan negara (Normah & Fadzil, 2015).

Kepentingan sektor sukarelawan ini telah menyebabkan majoriti Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia telah menerapkan silibus Sukarelawan ini di dalam rangka akademik mereka (Noh & Ahmad, 2020). Memupuk kesedaran awam terhadap semangat kesukarelawan ini termasuklah pembersihan sungai ini perlu diterapkan kepada pelbagai lapisan masyarakat termasuklah di peringkat pendidikan tertier melalui program ataupun matapelajaran Khidmat masyarakat. Ini sebagai kesinambungan pembangunan komuniti terhadap persekitaran melalui penglibatan dengan usaha kesukarelawan dan khidmat masyarakat. Ia bermula dari tahap awal pendidikan kanak-kanak iaitu persekolahan di peringkat rendah dan menengah dan seterusnya ke tahap pendidikan tinggi untuk terus menyemai budaya cintakan khidmat bakti kepada masyarakat, persekitaran dan juga negara. Budaya merancang, mengurus dan membangunkan kawasan komuniti adalah usaha bersama termasuk pihak kerajaan, swasta, masyarakat dan juga komuniti setempat di dalam melahirkan generasi gemilang (Ang, 2017).

#### Projek Kerajaan: Sungai Untuk Kehidupan

Sungai bersih merupakan agenda negara di bawah Rancangan Malaysia ke 12 melalui projek 'Sungai untuk Kehidupan' atau lebih dikenali dengan *River of Life* ini merupakan perancangan penting yang dimainkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (Huang, Ang & Lee, 2015). Misi utama projek ini dijalankan adalah untuk menjalankan kerja pemuliharaan sungai-sungai utama di Kuala Lumpur agar kualiti air sungai di ibu Negara ini dapat dipertingkatkan dan kerja-kerja yang diaturkan untuk proses ini adalah penting untuk merealisasikan impian sungai bersih dan bebas pencemaran berjaya dilaksanakan. Pada masa yang sama, anak-anak sungai di sekitar bandaraya Kuala Lumpur yang menuju ke arus sungai utama di ibu Negara ini juga diberi perhatian agar air yang masuk ke sungai utama adalah air bebas dan kurang pencemaran. Projek ini memberikan sumbangan kepada alam sekitar dengan usaha ke arah sungai bersih yang memberikan manfaat untuk komuniti dan juga menjadi tarikan pelancong yang datang ke Kuala Lumpur (Nayan et al, 2020).

Kajian ini melibatkan kerja-kerja sukarelawan pembersihan sungai di ibu Negara Kuala Lumpur yang merupakan lokasi utama Projek Sungai Untuk Kehidupan ini. Pelajar melibatkan diri dengan aktiviti pembersihan kawasan sungai dan juga pinggir sungai di beberapa lokaliti strategik yang terdapat kawasan berpenghuni untuk membantu masyarakat di lokasi berkenaan.

### **Kaedah Kajian**

Kajian ini dibuat secara kualitatif dengan menggunakan temubual separa berstruktur untuk mendapatkan data. Data kajian ini diperolehi daripada pelajar separuh masa yang bekerja dan belajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta di Kuala Lumpur, Kampus Bandaraya yang menyertai kerja kesukarelawan ini pada Oktober 2019. Temubual ini terfokus kepada pelajar-pelajar berkenaan seramai 120 orang, namun hanya ketua pelajar sahaja terlibat di dalam pengumpulan data ini. Persampelan Bersasar digunakan dengan menjadikan ketua-ketua kumpulan pelajar dewasa separuh masa yang bekerja dan belajar di Institusi Pengajian Tinggi Swasta, Kampus Bandaraya, Kuala Lumpur.

Kumpulan sasaran ini telah ditetapkan di peringkat awal kajian di dalam menentukan apakah impak keberkesanan program khidmat masyarakat terhadap pelajar institut pengajian tinggi swasta di kampus bandaraya yang terdiri daripada pelajar separuh masa yang bekerja. Pelajar yang mengambil matapelajaran Khidmat Masyarakat ini diberi tugasan untuk menjalankan kerja-kerja khidmat masyarakat yang berfokus kepada nilai persekitaran iaitu pembersihan sungai di beberapa kawasan anak sungai di pusat bandaraya Kuala Lumpur. Data dikutip selepas mereka selesai menjalankan kerja-kerja khidmat masyarakat ini berdasarkan instrumen kajian berkaitan impak program khidmat masyarakat ini terhadap pelajar institusi pengajian tinggi selepas selesai menjalankan kerja khidmat masyarakat pembersihan sungai. Semasa pengumpulan data, sesi temuramah bersama informan ini dirakam menggunakan audio perakam untuk tujuan pengumpulan data temubual ini. Data yang direkodkan itu ditulis semula untuk ditranskrip dan kemudian diproses untuk analisis data kualitatif. Data dianalisis menggunakan Nvivo versi 11 untuk memproses dan menganalisa data kualitatif temubual.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berdasarkan temubual separa berstruktur yang dijalankan selepas kumpulan pelajar ini selesai melakukan kerja-kerja khidmat masyarakat di sekitar Kuala Lumpur. Berikut merupakan dapatan kajian yang diperolehi daripada Informan 1:

*“Sukarelawan yang hadir memainkan peranan besar di dalam membantu kerja-kerja pembersihan di sekitar kawasan sungai termasuk di sepanjang tebing kawasan ini. Terdapat perbezaan persekitaran yang ketara terhadap kawasan sungai dan tebing yang dibersihkan dan lebih sedap mata memandang” (Informan 1).*

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Penemubual 1, beliau menekankan tentang impak terhadap lokasi pembersihan kerja kemasyarakatan yang dijalankan. Keadaan di lokasi sungai dan tebing yang telah dibersihkan menunjukkan perbezaan ketara berbanding sebelum ini kotor bersampah, namun kini telah bersih dan selesa untuk dipandang. Ini menunjukkan kerja-kerja masyarakat ini memberikan impak terhadap kebersihan alam sekitar. Persekitaran sungai dan tebing sungai yang lebih bersih dilihat hasil daripada kerja khidmat masyarakat yang telah mereka jalankan. Pengurusan tebing sungai yang baik mampu meningkatkan tahap kualiti nilai persekitaran di kawasan tersebut (Sakawi, 2009).

Apabila bertanyakan tentang perasaan setelah selesai menjalankan kerja-kerja khidmat masyarakat ini, berikut merupakan pernyataan daripada Informan 2:

*“Setelah melihat sungai yang bersih dari sampah selepas kerja gotong royong pembersihan sungai ini, saya berasa gembira dengan sungai yang bebas sampah dan puas terhadap kerja khidmat masyarakat yang dijalankan” (Informan 2)*

Apabila menyentuh tentang perasaan peserta program, mereka menzahirkan perasaan gembira dan puas setelah mampu menyumbang tenaga di dalam kerja kemasyarakatan ini. Walaupun penat dan letih mengerah keringat melakukan kerja-kerja fizikal pembersihan ini, tetapi perasaan yang terhasil menunjukkan mereka gembira dan puas setelah mampu menyumbangkan persekitaran lebih bersih kepada komuniti. Perasaan puas ini menunjukkan bahawa kepenatan hasil kerja-kerja kemasyarakatan ini dapat digantikan dengan ganjaran berbentuk kepuasan dan kegembiraan membantu mewujudkan persekitaran yang lebih mesra alam sekitar kepada masyarakat dan memberikan impak sihat kepada negara. Sebagai sukarelawan, (seseorang itu) perlu berbangga kerana mampu memberi khidmat kepada masyarakat yang memerlukan (Radhiyah, 2006).

Ini di sokong dengan Informan 3 dan 4 yang menyatakan perasaan berbangga menjadi sukarelawan projek ini. Berikut merupakan keterangan mereka:

*“Walaupun hanya kerja-kerja ini hanya di kawasan ini, tetapi ia membantu di dalam membekalkan air yang lebih berkualiti ke Kuala Lumpur, dan saya berbangga menjadi sebahagian dari sukarelawan yang membantu misi sungai bersih ini kerana sungai tanggungjawab kita bersama”*

Impak seterusnya kepada peserta program ini ialah mereka berasa bangga mampu menyumbang tenaga dan masa di dalam menjalankan kerja-kerja kemasyarakatan ini. Program sukarelawan ini membina perasaan puas dan bangga di kalangan peserta program kerana mampu menjadi sebahagian daripada penyumbang yang membantu memberikan impak kepada alam sekitar. Rupa persekitaran yang berbeza sebelum dan selepas kerja-kerja kemasyarakatan di kawasan di mana aktiviti ini dijalankan menjadi faktor kepuasan mereka apabila terdapat perbezaan ketara sebelum ini yang kotor bersampah bertukar menjadi persekitaran yang bebas daripada sampah sarap dan kelihatan lebih bersih. Gaya hidup yang menekankan kebersihan dan cakna terhadap tahap kesihatan persekitaran adalah tunjung dalam merealisasikan program khidmat sosial yang lebih berkesan (Zawawi et al, 2019).

Seterusnya, Informan 5 dan 6 menyatakan impak positif kerja-kerja sukarelawan ini.

*‘Jelas kerja-kerja sukarelawan ini membantu memberikan impak positif kepada persekitaran dan juga komuniti di sini’ (Informan 5)*

*‘Impak positif dilihat kepada kami yang lebih menghargai elemen alam sekitar supaya lebih perihatin terhadap persekitaran bersih dan cintakan alam sekitar (Informan 6)*

Ini menunjukkan bahawa hasil kerja-kerja sukarelawan ini mampu memberikan impak positif kepada peserta yang terlibat dengan kerja-kerja ini. Mereka lebih positif terhadap nilai alam sekitar yang merupakan khazanah negara yang perlu dijaga bersama kelestariannya. Setelah persekitaran bersih dan bebas sampah ini terbentuk, ia mampu melahirkan perasaan sayangkan alam sekitar yang mana sikap ini semakin menghakis di kalangan penduduk. Impak positif ini berjaya menyemai budaya sayangkan alam sekitar dan juga berbangga menyumbang sesuatu yang positif kepada komuniti. Sikap yang positif di kalangan komuniti mampu menjadikan keberkesanan program yang lebih efektif di dalam kerja komuniti (Ismail, 2012)

Berkenaan pembangunan sahsiah diri yang positif, berikut merupakan keterangan daripada Informan 1 yang merupakan ketua kumpulan utama yang terlibat dengan projek ini:

*‘Kerja sukarelawan ini membentuk nilai jati diri kami sebagai pelajar Institusi Pengajian Tinggi agar lebih peka terhadap persekitaran dan juga komuniti. Ini menjadikan kami lebih ‘alert’ terhadap keperluan komuniti dan persekitaran sihat negara’ (Informan 1)*

Sebagai pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang telah dewasa dan matang, mereka dapat melihat kepentingan kerja-kerja kesukarelawan ini di dalam membentuk masyarakat yang menghargai alam sekitar dan peka terhadap komuniti. Kepekaan ini terhasil daripada aktiviti fizikal kerja sukarelawan apabila mereka mambantu secara langsung bagi meringankan permasalahan komuniti dan melihat impaknya terhadap komuniti. Hasil penglibatan ini, mereka akan melihat kesan positif terhadap impak komuniti dan juga persekitaran. Ini penting di dalam membina jati diri, semangat perpaduan, peka dan melahirkan sikap positif terhadap masyarakat (Ismail, 2016).

Daripada keseluruhan data yang dianalisis menggunakan perisian Nvivo versi 11, dapatan analisis mendapati jumlah kekerapan perkataan tertinggi ialah merujuk kepada perkataan ‘positif’

dan 'bangga' yang diulang sebut oleh beberapa Informan berkali-kali. Mereka menyatakan tentang impak kerja-kerja sukarelawan di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Swasta di kalangan pelajar separuh masa yang bekerja ini adalah positif. Impak positif ini merangkumi kesedaran mereka terhadap elemen alam sekitar, kepentingan kepada komuniti, dan lain-lain. Selain itu mereka berasa bangga kerana mampu menyumbang tenaga di dalam merealisasikan sungai bersih negara dan memberikan manfaat kepada masyarakat yang menghuni di sekitar kawasan ini.

Mereka merupakan pelajar dewasa yang bekerja sambil belajar, sudah pasti mereka lebih faham dan matang terhadap peranan kerja-kerja sukarelawan ini terhadap komuniti. Khidmat masyarakat ini dan kepentingannya di dalam membentuk sahsiah manusia yang lebih sensitif terhadap alam sekitar yang lebih bersih dan semangat membantu kepada masyarakat yang memerlukan. Kerja-kerja sukarelawan ini memberikan nilai fizikal, mental dan emosi kepada sukarelawan dan juga masyarakat yang dibantu (Faizal, Amat & Ishak, 2010).

## Kesimpulan

Berdasarkan data yang diperolehi daripada kajian ini mendapati bahawa kajian memberikan impak positif terhadap pelajar institusi pengajian tinggi swasta seperti mereka lebih cakna terhadap keperluan untuk membantu masyarakat di samping mampu membentuk semangat cintakan alam sekitar dan bersama merealisasikan impian Negara untuk mendapat persekitaran bersih untuk masyarakat. Amatlah wajar program khidmat masyarakat ini menjadi sebahagian teras di dalam akademik kurikulum pelahjar di dalam melahirkan individu yang lebih bersikap positif terhadap elemen membantu masyarakat dan juga menginspirasi impian negara membentuk masyarakat yang prihatin, kaya sahsiah insan, emosi dan jasmani.

## Rujukan

- Al-Mamun, A., & Zainuddin, Z. (2013). Sustainable river water quality management in Malaysia. *IIUM Engineering Journal*, 14(1).
- Ang, K. H. (2017). Sungai Melaka sebagai suatu daya tarikan pelancongan baru di Negeri Melaka: Satu ulasan kritis (Malacca River as a new Malacca's tourist attraction: A critical review). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(1).
- Bakri, Z. A. B., Mahmood, W. S. B. W., & Zakaria, M. A. B. (2019). Kajian Kes: Impak Sukarelawan Yes! Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin Dalam Melakukan Kerja-Kerja Kesukarelawanan Tvet. *Journal on Technical and Vocational Education*, 4(3), 92-98.
- Faisal, R. A., Amat, S., & Ishak, N. (2010). Kepuasan Terhadap Aktiviti Khidmat Masyarakat dan Pembangunan Kesejahteraan Sosial dalam Kalangan Pelajar Tahun Satu di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Malaysian Journal on Student Advancement*, (13).
- Fazilah, S. N. C., & Shaffie, F. (2020). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan dalam menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur (Factors Affecting Volunteer Motivation in Carrying Out Volunteer Activities: A Literature Review). *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 25-38.
- Gavelin, K., & Svedberg, L. (2011). Estimating the scope and magnitude of volunteerism worldwide. *Bonn: United Nations Volunteers, External Paper BP1, State of the World's Volunteerism Report Project*.
- Hua, A. K. (2014). Potensi instrumen moral dalam melestarikan sumber air di Malaysia-Kajian kes Sungai Melaka. *Geografia Malaysian Journal of Society and Space*, 10(5), 44-55.
- Huang, Y. F., Ang, S. Y., Lee, K. M., & Lee, T. S. (2015). Quality of water resources in Malaysia. *Research and Practices in Water Quality*, 3, 65-94.

- Hussain, T. P. R. S., & Yasin, L. (2017). Belia dan pembudayaan semangat sukarelawan di Malaysia: Suatu pemerhatian konseptual. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9).
- Hutapea, B., & Dewi, F. I. R. (2012). Peran kebermaknaan hidup dan kepemimpinan melayani terhadap kepuasan hidup sukarelawan lembaga swadaya masyarakat. *Jurnal Insan*, 14(3), 159-170.
- Ismail, H. (2012). *Komuniti setingan tebingan sungai bandar dan program pembersihan Sungai Klang* (pp. 99-109). Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Ismail, M. M. (2016). Program Latihan Khidmat Negara (PLKN): Wadah Baru Sosialisasi Politik. *Research Journal of Social Sciences*, 9(3), 28-36.
- Maulina, N., & Rusli, A. Komunikasi Lingkungan Melalui Maharagu Sungai Dalam Meningkatkan Partisipasi Masyarakat Pada Program Revitalisasi Sungai Kota Banjarmasin. *Metacommunication: Journal of Communication Studies*, 6(1), 67-75.
- Nayan, N. M., Jones, D. S., Bahaluddin, A., Ghani, I., & Rahman, N. A. (2020). Designating Urban Rivers as National Heritage: A case study of Sungai Kelang and Sungai Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia. In *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science* (Vol. 409, No. 1, p. 012035). IOP Publishing.
- Noh, N. A., & Ahmad, M. F. (2020). Motivasi Penglibatan Sukarelawan dalam Aktiviti Kesukarelawanan Mahasiswa Universiti Awam [Volunteerism Motivation in The Voluntary Activities Involvement of Public Universities Students]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 2(4), 26-36.
- Normah, A. N., & Muhamad Fazil, A. (2015). Motivasi dan manfaat penglibatan pelajar ipt dalam aktiviti kesukarelaan. School of Social Science (Master Dissertation, Universiti Sains Malaysia)
- Oktarizki, A., & Uyun, Z. (2020). *Kebermaknaan Hidup Sukarelawan Pengatur Lalu Lintas (Supeltas) Di Surakarta* (Doctoral dissertation, Universitas Muhammadiyah Surakarta).
- Puspita, I., Ibrahim, L., & Hartono, D. (2016). Pengaruh Perilaku Masyarakat yang Bermukim di Kawasan Bantaran Sungai Terhadap Penurunan Kualitas Air Sungai Karang Anyar Kota Tarakan (Influence of The Behavior of Citizens Residing in Riverbanks to The Decrease of Water Quality in The River of Karang). *Jurnal Manusia dan Lingkungan*, 23(2), 249-258.
- Razhiyah, K. A. (2005). *Menjadi guru pendidikan khas*. PTS Professional.
- Sakawi, Z. (2009). Impak Pembangunan Tebingan Sungai Ke Atas Persekitaran Fizikal dan Manusia. *Journal of Techno Social*, 1(1).
- Ujang, Z. (2009). *Minda lestari: Pembangunan negara dan pemuliharaan alam sekitar*. Penerbit UTM Press.
- Zawawi, Z., Azizan, I. S., Muhamad Hakimi, I. N., Rusli, N., Mohd Yusof, N., & Zamhury, N. (2019). Kajian kes: sosio ekonomi penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) Paya Nahu, Sungai Petani Kedah/Azlyn Zawawi [et al.]. *Voice of Academia (VOA)*, 15(3), 50-58